



Mencegah keganasan di tempat kerja

Adakah anda atau rakan sekerja anda diperlakukan dengan ganas atau diperkecil-kecilkan di tempat kerja? Jika jawapannya ialah ya, anda boleh membantu menghentikannya.

Di seluruh dunia, kes-kes yang melibatkan keganasan di tempat kerja sedang meningkat kerana faktor persaingan yang memberi tekanan demi tekanan kepada para pekerja. Terutama sekali pekerja pengangkutan yang terdedah kepada keganasan fizikal dan juga bukan fizikal. Ini termasuk serangan yang berkaitan dengan jantina, bangsa atau agama pekerja.

Keganasan dilakukan oleh pelbagai pihak, termasuk: penumpang, penjenayah, pekerja pengangkutan yang lain, penyelia, pengurus, majikan atau pihak berkuasa kerajaan. Ianya boleh jadi satu episod sahaja ataupun satu proses yang lama.

Salah guna

Orang sedang menunggu bas untuk pergi ke kerja. Mereka sedang bermandi hujan kerana tiada tempat untuk berteduh. Jika mereka lambat sampai ke tempat kerja, gaji mereka akan dipotong – tetapi bas tidak juga tiba tepat pada masanya. Setelah sekian lama, beberapa bas lalu tetapi tidak berhenti kerana sudah penuh. Akhirnya, satu bas berhenti. Walau bagaimanapun, para penumpang sudah menjadi sangat marah dan mereka mengugut-ugut para pekerja.

Gangguan seksual

Para pekerja di pejabat tiket cuba mengelakkan diri daripada bertembung dengan pengurus pejabat kerana dia sering memberi komen yang menjurus ke arah seksual dan sentiasa mencari peluang bersendirian dengan pekerja perempuan. Ada yang menyatakan dia menawarkan faedah-faedah yang lebih baik jika melayaninya. Eksekutif kanan sudah maklum akan hal ini tetapi belum mengambil apa-apa tindakan.

Buli

Setiap kali John bekerja syif malam, ketua kumpulannya memperkecil-kecilkannya di hadapan rakan-rakan sekerjanya. Dia tidak bersalah kerana dilahirkan tempang dan dia boleh menerima ejekan ketuanya, tetapi dia tidak suka apabila rakan-rakannya tidak menyokongnya, malah ketawa bersama-sama dengan ketua kumpulannya.

Apa yang boleh anda lakukan?

- **Laporkan setiap insiden**

Keganasan bukanlah satu masalah yang perlu anda kendalikan bersendirian, jadi pastikan anda melaporkannya dengan segera kepada majikan anda dan kesatuan anda.

- **Berbincang tentang keganasan**

Penting bagi anda untuk membincangkan perihal keganasan dengan rakan-rakan sekerja anda. Bersama-sama, anda boleh menggabungkan pengetahuan dan pengalaman anda untuk membantu kesatuan anda mencari cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh semua.

- **Berkempen mengenai isu-isu keganasan**

Libatkan diri dengan kempen kesatuan anda yang berkaitan dengan isu-isu keganasan jika ada atau gerakkan kesatuan anda supaya memulakan kempen tersebut supaya mereka dapat mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul. Ini termasuk meminta persetujuan majikan anda untuk memberi perlindungan kepada para pekerja dan untuk memperkenalkan ciri-ciri keselamatan serta mendesak kerajaan untuk membuat perubahan peraturan.

- **Bekerja secara berkumpulan**

Jadilah ahli dalam kesatuan yang aktif. Ini adalah peluang terbaik seorang pekerja untuk memperbaiki keadaan di tempat kerja. Jika tiada kesatuan di tempat kerja anda, semak dengan pekerja pengangkutan yang lain kalau-kalau mereka adalah ahli mana-mana kesatuan yang baik – anda boleh membantu kesatuan tersebut merekrut ahli di tempat kerja anda. Jika tiada kesatuan, anda bolehlah menghubungi persatuan pekerja tempatan untuk mendapatkan sokongan.

Keganasan di tempat kerja mestilah dicegah. Bersama-sama, kita akan dapat penyelesaiannya.

International Transport Workers' Federation (Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa atau ITF) telah mengeluarkan risalah kepada para aktivis berkaitan keganasan di tempat kerja. Hubungi wakil kesatuan pengangkutan anda jika anda mahu menyokong kempen "Mencegah keganasan di tempat kerja"

ITF House, 49-60 Borough Road, London, SE1 1DR

Tel: +44 (0) 20 7403 2733 Faks: +44 (0) 20 7357 7871 E-mel: mail@itf.org.uk

Tapak Web: www.itfglobal.org/urban-transport/notoviolence.cfm

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pejabat daerah ITF, sila lawati:
www.itfglobal.org/about-us/region.cfm

